


Jilid III
Bil. 30

Hari Jumaat
28hb Oktober, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 [Ruangan 3345]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978 [Ruangan 3377]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.,
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SERI DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J. S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIBEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 28hb Oktober, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.45 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1978

Bacaan Kali Yang Kedua

3.52 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu 'Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1978 dan bagi menguntukkan jumlah wang itu dan yang lain-lain sebagaimana yang telah dibenar supaya dikeluarkan untuk perkhidmatan tahun itu' dibacakan pada kali yang kedua.

Semenjak membentangkan belanjawan saya yang pertama pada tahun lepas, saya telah berkesempatan untuk lebih memahami masaalah-masaalah pengurusan ekonomi dan kewangan negara. Oleh demikian, saya akan terus berusaha untuk melakukan perubahan-perubahan yang membina, selaras dengan keadaan dan perkembangan ekonomi dan kewangan.

Seperti di dalam Ucapan Belanjawan pertama saya pada tahun lepas, saya akan hanya menumpukan perhatian kepada soal-soal dasar sahaja, kerana kajian mengenai prestasi atau keupayaan dan pencapaian ekonomi dan

kewangan negara pada tahun 1977, dan jangkaan kemajuan atau prospek ekonomi bagi tahun 1978, sedia terkandung dengan padatnya dalam Lapuran Ekonomi 1977/78, yang akan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selepas Ucapan saya ini. Begitu juga, memoranda hasil dan perbelanjaan serta lain-lain lampiran yang telah dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, akan memberikan butir-butir yang perlu sebagai tambahan kepada Ucapan Belanjawan ini.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh secara ringkas mengenai pencapaian ekonomi negara di dalam tahun 1977, kerana ini adalah berkaitan dengan ramalan ekonomi dalam tahun 1978.

**KEUPAYAAN DAN PENCAPAIAN
(PRESTASI) EKONOMI DAN
KEWANGAN DALAM TAHUN 1977**

Pada tahun lepas saya telah meramalkan bahawa dalam tahun 1977, kadar pertumbuhan sebenar ekonomi dianggarkan sebanyak 9%. Anggaran ini telah dibuat berdasarkan bahawa negara-negara perindustrian utama yang mempunyai perhubungan perdagangan yang banyak dengan kita, secara keseluruhannya, akan mencapai paras pertumbuhan yang tinggi iaitu sebanyak 5½% (lima setengah peratus) bagi keseluruhan tahun 1977. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1977, kegiatan ekonomi di negara-negara perindustrian ini tidak tumbuh sekadar yang dijangkakan dan secara keseluruhannya pertumbuhan di negara-negara ini dianggar hanya sebanyak 4% sahaja dalam tahun 1977 ini. Sungguhpun begitu, ekonomi Malaysia telah berkembang

dengan amat memuaskan. Ekonomi kita sekarang dianggarkan bertumbuh dengan kadar 8% dari segi sebenar, dan ini saya kira adalah satu kadar yang menggalakkan jika dibandingkan dengan pertumbuhan yang dicapai oleh negara-negara perindustrian utama.

Tunjangan utama ke atas perkembangan ekonomi kita ini telah diberikan oleh penggunaan awam dan swasta, dan tidak oleh sektor luar negeri seperti yang dijangkakan dahulu. Begitu juga, berlawanan dengan apa yang dijangkakan, dalam tahun 1977, pelaburan swasta dianggarkan telah berkembang sebanyak 8.2% dari segi sebenar berbanding dengan kadar pertumbuhan hanya sebanyak 4% dalam tahun 1976 dan kemerosotan sebanyak 3.6% dalam tahun 1975. Pelaburan awam telah membantu memperkukuhkan lagi pelaburan swasta dan telah berkembang dengan kadar yang lebih pesat iaitu sebanyak 12% dalam tahun 1977.

Di dalam Ucapan Belanjawan saya di Dewan Negara pada 13hb Disember, 1976, saya telah sempat mengkaji semula ramalan untuk tahun 1977, dan pada waktu itu saya telah menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi akan berseiringan dengan kestabilan harga. Kenyataan ini sekarang terbukti tepat. Ekonomi Malaysia bukan sahaja telah bertumbuh kukuh walaupun kegiatan ekonomi antarabangsa telah menjadi perlahan tetapi Angka Tunjuk Harga Pengguna untuk seluruh tahun 1977 juga meningkat lebihkurang sebanyak 5% iaitu seperti yang telah dianggarkan di dalam Belanjawan tahun 1977.

Imbangan bayaran negara juga dijangka menggalakkan pada tahun ini, walaupun tidaklah seberapa baik seperti tahun lalu. Akaun semasa imbangan bayaran dijangka mencatatkan lebih sebanyak \$870 juta dan simpanan wang tukaran luar dianggar meningkat sebanyak \$550 juta dalam tahun ini. Dengan ini, simpanan wang tukaran luar negara kita dianggarkan berjumlah sebanyak \$6,800 juta dan ini adalah cukup untuk mem-

biayai impot bagi kira-kira tujuh bulan berdasarkan kepada paras impot tahun 1977.

Ringgit Malaysia juga terus menjadi kukuh dan stabil, sementara akaun semasa Belanjawan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1977 dijangka mencapai lebih sebanyak \$355 juta.

RAMALAN EKONOMI TAHUN 1978

Izinkan saya sekarang berbicara mengenai jangkaan kemajuan atau prospek untuk tahun 1978. Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi antarabangsa masih lagi tidak berapa pasti. Maklumat-maklumat terakhir yang saya dapat menerusi rundingan dengan rakan-rakan sejawat sewaktu menghadiri persidangan Bank Dunia dan Tabung Matawang Antarabangsa di Washington baru-baru ini, menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi di negara-negara perusahaan utama akan menjadi bertambah perlahan. Di samping itu pula, kadar inflasi di negara-negara ini masih berada di paras yang tinggi, walaupun tekanan inflasi sekarang nampaknya berkurangan sedikit.

Keadaan ekonomi yang kurang pasti dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan ini, akan menjejaskan ekonomi negara-negara membangun, seperti negara kita, yang mempunyai ekonomi terbuka, dan bergantung banyak kepada permintaan luar negeri untuk barangan utama kita yang masih merupakan kira-kira 32% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Walau bagaimanapun, pendapat umum yang diutarakan sewaktu Mesyuarat Jawatankuasa Sementara Tabung Matawang Antarabangsa, yang saya hadiri baru-baru ini, ialah bahawa tanggungjawab untuk menggalak dan mengekalkan pemulihan ekonomi antarabangsa, tidak seharusnya dipikul hanya oleh Amerika Syarikat, Jepun dan Republik Persekutuan Jerman. Negara-negara lain juga patut memainkan peranan seboleh mungkin untuk

menjadikan usaha ini sebagai usaha bersama untuk meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa dan mempercepatkan pemulihan ekonomi dunia, yang sememangnya saling bergantung di antara satu dengan yang lain. Tanpa usaha bersama seperti ini, kebanyakan negara akan terpaksa menganuti dasar-dasar ekonomi dan perdagangan yang cenderung kepada perlindungan dan penyekatan (protectionist policy). Ini akan menyulitkan perhubungan perdagangan, ekonomi dan kewangan, dan ini pula akan menjejaskan ekonomi negara kita.

Oleh kerana suasana ekonomi luar negeri yang kurang pasti, kita tidak menjangka bahawa sektor luar negeri akan memberi dorongan utama kepada pertumbuhan ekonomi kita di dalam tahun 1978, berbanding dengan tahun 1976. Ini adalah kerana kita menjangka bahawa kita akan terus mengimpot banyak barangan untuk memenuhi permintaan penggunaan dan pelaburan dalam negeri sementara eksport pula dijangka akan bertambah tetapi tidak sebaik seperti pada tahun 1977.

Malaysia mestilah memberi perhatian kepada perkembangan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dihadapi sekarang ini, dan tidak boleh pula berdiam diri dan menunggu keadaan itu berubah. Kita menghadapi masalah-masalah sosio-ekonomi yang tersendiri dan perlu menghadapi dan mengatasinya dengan daya usaha kita sendiri mengikut kemampuan yang ada kepada kita, lebih-lebih lagi dalam keadaan pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang sedang menurun. Kita mestilah maju ke hadapan untuk mencapai matlamat-matlamat mengikut keutamaan yang telah kita susun, bersesuaian dengan perkembangan ekonomi di dalam dan luar negeri.

Dengan demikian, strategi Belanjawan tahun ini adalah berorientasikan pertumbuhan ataupun berpandukan pertumbuhan dengan tujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi menerusi langkah-langkah belanjawan (fiscal) dan kewangan, supaya memper-

baiki agihan pendapatan serta menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan dalam konteks kestabilan harga.

Bagi mencapai matlamat-matlamat Belanjawan seperti yang telah saya gariskan, sekarang izinkanlah saya membentangkan cadangan-cadangan perbelanjaan dan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1978.

BELANJA MENGURUS

Belanja Mengurus yang dicadangkan untuk tahun 1978 berjumlah sebanyak \$8,058 juta, terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan sebanyak \$1,818 juta, dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak \$6,240 juta. Jumlah ini bertambah sebanyak \$898 juta, atau tambahan 12.5%, jika dibandingkan dengan Anggaran Perbelanjaan Sebenar bagi tahun 1977. Tambahan dalam Belanja Mengurus ini adalah perlu untuk menambahkan lagi keupayaan agensi-agensi Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dan juga untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih baik. Tambahan ini juga disebabkan oleh kenaikan-kenaikan gaji di bawah semakan gaji baru-baru ini. Dari segi tenaga manusia, sejumlah lebihkurang 29,000 jawatan baru dalam pelbagai peringkat akan diwujudkan dalam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan. Jumlah jawatan-jawatan ini tidak termasuk badan-badan berkanun. Jumlah gaji yang diperuntukkan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan sahaja, ialah lebihkurang \$2,352 juta. Sejumlah \$1,334 juta akan disediakan untuk perbelanjaan perkhidmatan, bekalan dan kelengkapan, dan \$4,201 juta untuk pemberian dan bayaran tetap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahagian Belanja Mengurus ini, peruntukan yang terbesar sebanyak \$1,726 juta, atau lebihkurang 21.4% dari jumlah besar Belanja Mengurus, adalah untuk Kementerian Pelajaran. Peruntukan yang kedua besarnya ialah untuk Kementerian Pertahanan, berjumlah \$1,171 juta,

atau 14.5%, diikuti oleh Kementerian Kesihatan, sebanyak \$577 juta, atau 7.2%, dan Polis Di Raja sebanyak \$519 juta atau 6.4%. Seperti yang ternyata, 28.6% daripada jumlah besar Belanja Mengurus diuntukkan bagi dua perkhidmatan sosial, iaitu pelajaran dan Kesihatan, dan 21% diuntukkan bagi Polis dan Pertahanan. Di bawah perkhidmatan sosial juga, Kerajaan akan menambah peruntukan bagi projek-projek khas dari \$11.2 juta dalam tahun 1977 kepada \$29.4 juta untuk membolehkannya mengadakan lebih banyak projek-projek termasuk pembinaan dan penyelenggaraan masjid-masjid, surau-surau, rumah-rumah ibadat dan lain-lain.

BELANJA PEMBANGUNAN

Cadangan Belanja Pembangunan bagi tahun 1978 berjumlah \$4,643.6 juta. Bahagian terbesar daripada Belanja Pembangunan ini akan diperuntukkan kepada rancangan-rancangan pertanian dan pembangunan luarbandar, berjumlah \$863 juta. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk memberi keutamaan yang paling tinggi kepada pertumbuhan dan pemodenan sektor pertanian, di mana terdapatnya kebanyakan daripada golongan miskin dari semua kaum. Dengan demikian, rancangan-rancangan ini adalah bertujuan menambahkan daya pengeluaran di kawasan-kawasan pertanian yang ada sekarang supaya meninggikan pendapatan dan memperbaiki kebajikan orang-orang luarbandar. Di antara rancangan-rancangan penting yang saya sukakan sebutkan di sini adalah berbagai-bagai sekim bantuan seperti Pinjaman Pertanian, pembahagian benih-benih yang lebih baik, baja dan racun serangga, yang Kerajaan sedang beri kepada petani-petani untuk menambahkan pendapatan mereka. Untuk menambahkan daya pengeluaran nelayan-nelayan kita, peruntukan yang secukupnya akan disediakan bagi melaksanakan berbagai-bagai sekim bantuan oleh Jabatan Perikanan dan Majuikan. Bantuan-bantuan ini termasuklah pinjaman

dan pemberian secara langsung untuk membeli alat-alat perikanan. Dalam tahun 1978, Majuikan juga akan menambahkan bilangan bot-bot pukat tundanya yang ada sekarang dan ini akan memberi faedah kepada beberapa ratus orang nelayan. Bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini serta yang lain-lain, seperti parit dan taliair, perkembangan pertanian, pemasaran dan penyelidikan, bagi memajukan lagi kawasan pertanian yang sedia ada, di mana terdapat golongan-golongan miskin, Kementerian Pertanian akan diperuntukkan sejumlah \$381 juta, yang akan memberi faedah secara langsung kepada petani-petani, penternak-penternak, serta nelayan-nelayan.

Dalam bidang kemajuan tanah, FELDA (LKTP) akan memajukan lebihkurang 100,000 ekar bagi tanaman getah, kelapa sawit, koko dan tebu. FELCRA pula bukan sahaja akan memulihkan tetapi juga memajukan lebihkurang 20,000 ekar tanah untuk rancangan-rancangan Belia termasuk Tanah Pinggir. Penanaman semula getah bagi pekebun-pekebun kecil juga akan dilaksanakan dengan lebih pesat lagi. Dalam tahun 1978, matlamat rancangan penanaman semula RISDA ialah lebihkurang 70,000 ekar. RISDA juga akan memajukan 20,000 ekar tanah baru. Adalah dianggarkan seramai 28,000 orang akan menikmati faedah secara langsung di bawah semua rancangan-rancangan kemajuan tanah ini.

Adalah menjadi objektif yang utama dalam pembangunan negara kita untuk menyediakan perumahan yang cukup, terutama sekali bagi golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, rancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah akan dipergiatkan lagi. Peruntukan sebanyak \$132 juta, akan disediakan bagi tujuan ini, sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, bagi membiayai 200 projek perumahan yang mengandungi lebih daripada 30,000 unit. Ajensi-ajensi pelaksanaan adalah terdiri dari S.E.D.C. (Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) bagi Semenanjung

Malaysia, dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perumahan di Sabah dan Sarawak. Untuk memastikan supaya pelaksanaan projek-projek ini dipercepatkan, kakitangan iktisas dan teknikal dalam Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah ditambah bagi memberi nasihat-nasihat, dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal, yang diperlukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Dengan itu, adalah diharapkan matlamat 62,000 unit rumah akan dapat dicapai pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Peruntukan belanjawan bagi tujuan penyusunan semula masyarakat dalam sektor Perdagangan dan Perindustrian berjumlah \$641 juta. Peruntukan-peruntukan yang disalurkan melalui agensi-agensi seperti UDA, MARA, PERNAS dan PKEN-PKEN (SEDC) adalah untuk digunakan bagi tujuan-tujuan penyertaan dalam berbagai kegiatan perdagangan dan pembuatan, dan juga untuk pembinaan rumah-rumah kediaman dan rumah-rumah kedai.

Bagi Pelajaran dan Latihan, sejumlah \$486 juta akan disediakan untuk tahun 1978. Kerajaan akan mempercepatkan rancangan pembinaan sekolah-sekolah untuk menampung keperluan tambahan kemasukan murid-murid di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Lebihkurang 600 bilik-bilik darjah baru akan disediakan bagi pelajaran menengah, dan 1,100 bilik darjah baru bagi pelajaran rendah. Kebanyakan bilik-bilik darjah ini adalah di kawasan-kawasan luarbandar. Bagi memenuhi keperluan tambahan guru-guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah, empat buah lagi Maktab Latihan Perguruan baru akan dibina. Sebagai tambahan kepada Maktab-maktab Latihan Perguruan baru ini, beberapa buah Pusat Sumber Pelajaran akan juga didirikan di dalam beberapa buah negeri, untuk memberi kemudahan-kemudahan latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru kita. Seperti yang saya telah sebutkan tadi, dari segi Belanja Mengurus, Kementerian Pelajaranlah yang akan menerima baha-

gian yang terbesar daripada jumlah besar Belanja Mengurus, iaitu sebanyak \$1,700 juta.

Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk memperbaiki keadaan kesihatan rakyat kita dengan menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan, terutamanya di kawasan-kawasan luarbandar. Bagi rancangan kesihatan luarbandar, peruntukan sebanyak lebihkurang \$22 juta akan disediakan bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan besar dan kecil dan kelinik-klinik desa. Kerajaan juga akan terus memperbaiki kemudahan-kemudahan hospital yang ada, dan juga membina beberapa buah hospital besar dan hospital daerah baru. Peruntukan sebanyak \$27 juta akan disediakan dalam tahun 1978 bagi projek-projek sambungan dan pembinaan beberapa buah hospital besar dan hospital daerah baru.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi bekalan Air dan Letrik Luarbandar ialah salah satu daripada rancangan yang penting bagi memperbaiki taraf dan mutu kehidupan penduduk-penduduk luarbandar. Salah satu masalah yang utama untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ini ialah kesulitan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberi sumbangan-sumbangan mereka, terutamanya bagi negeri-negeri yang kurang maju. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk menambahkan lagi sumbangannya dengan tujuan untuk menentukan supaya projek-projek ini dapat dilaksanakan. Mengenai bekalan letrik luarbandar, mengikut peraturan kewangan yang baru, Kerajaan Persekutuan akan menyumbangkan $\frac{2}{3}$ daripada kos projek-projek ini di semua negeri dan bakinya akan dibiayai oleh Lembaga Letrik Negara (LLN). Bagi rancangan-rancangan bekalan air luarbandar, Kerajaan Persekutuan akan menanggung kesemua kos projek-projek untuk negeri-negeri yang kurang maju, dan $\frac{2}{3}$ daripada kos projek-projek untuk negeri-negeri yang lebih maju.

Dalam pembangunan kemudahan-kemudahan asas, \$647 juta akan disediakan untuk pengangkutan. Dari jumlah ini \$478 juta, atau 74%, adalah untuk pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan. Untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan luarbandar, sebanyak \$65 juta diperuntukkan bagi jalan-jalan luarbandar. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, pembinaan jalan-jalan luarbandar merupakan sebahagian yang penting daripada keseluruhan rancangan pembangunan luarbandar, bagi menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan penduduk-penduduk luarbandar. Jalan-jalan luarbandar akan dapat memberi saluran pemasaran dan pengedaran yang lebih baik bagi hasil-hasil pengeluaran desa. Selain daripada faedah dari segi ekonomi, jalan-jalan ini juga berguna untuk keselamatan negara. Memandangkan pentingnya jalan-jalan ini, Kerajaan sedang menimbang untuk menambahkan lagi rancangan jalan luarbandar yang memerlukan jumlah peruntukan yang lebih besar daripada peruntukan \$127 juta, yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Selain daripada memperbaiki rangkaian jalan-jalan luarbandar, Kerajaan juga akan mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk-penduduk tempatan melalui penglibatan mereka dalam rancangan-rancangan ini.

Peruntukan yang cukup adalah disediakan untuk menjamin keselamatan negara yang diberi keutamaan paling tinggi. Sejumlah \$655 juta akan diperuntukkan bagi tahun 1978. Daripada jumlah ini, sebanyak \$181 juta adalah diperuntukkan bagi Polis dan sejumlah \$474 juta kepada Angkatan Tentera. Saya akan membentangkan usul Anggaran Pembangunan 1978 sebaik sahaja selesai Ucapan Belanjawan saya ini.

KAWALAN KEWANGAN

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang penting di dalam sistem Belanjawan Program dan Prestasi, yang sekarang ini sedang diper-

sesuaikan untuk belanjawan, ialah sistem pengawasan dan laporan kewangan yang lengkap dengan keupayaan Odit Dalam. Pelaksanaan dan pengawalan sistem seperti ini telah menjadi sangat perlu, memandangkan makin bertambahnya perbelanjaan Kerajaan. Apabila sistem ini berjalan dengan sepenuhnya, maklumat berkenaan dengan keperluan-keperluan wang tunai, kekurangan dan kelebihan perbelanjaan, masalah-masalah pelaksanaan dan lain-lain maklumat mengenai kewangan yang berkenaan, akan mudah didapati untuk keperluan perancangan dan pengawalan Belanjawan.

Mengenai Odit Dalam (termasuk Odit Pengurusan), Kementerian Kewangan telahpun menjalankan satu kajian dan menyediakan satu laporan. Di antara lain, Laporan ini telah menentukan bidang-bidang dalam Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Penguasapenguasa Tempatan di mana sistem Odit Dalam yang kukuh perlu ditubuhkan. Laporan ini sekarang sedang dikaji oleh satu Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada ahli-ahli Ajensi-ajensi Pusat.

Langkah-langkah telah juga diambil di dalam dua tahun yang kebelakangan ini, dan akan terus diambil, untuk memperbaiki jentera pembayaran wang dan pungutan hasil Kerajaan, dengan tujuan supaya kelewatan tidak berlaku di dalam pembayaran wang dan pungutan hasil. Salah satu langkah yang diambil kearah tujuan ini ialah dengan penubuhan pejabat-pejabat wilayah Akauntan Negara di seluruh negara.

PERUBAHAN-PERUBAHAN CUKAI

Sebagai tambahan kepada rancangan perbelanjaan awam yang telah saya bentangkan, saya ingin mengemukakan langkah-langkah cukai yang saya fikir akan memenuhi objektif-objektif menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pelaburan dalam sektor swasta.

Pada tahun lepas saya telah mengemukakan supaya perusahaan-perusahaan berasaskan pertanian dan bahan-bahan asli, makanan dan lain-lain barang keperluan diberikan elaun susutan dipercepatkan (accelerated depreciation allowance) sebanyak 80% untuk perbelanjaan modal ke atas mesin dan jentera yang dibuat dalam tahun 1977 hingga 1979, sebagai menggantikan elaun tahunan biasa yang telah ditetapkan. Adalah dicadangkan bahawa elaun susutan dipercepatkan ini juga diberi kepada semua perusahaan-perusahaan. Tawaran ini hanyalah untuk dua tahun ke hadapan sahaja. Oleh itu perbelanjaan ke atas mesin dan jentera yang dibuat dalam masa dua tahun akan datang ini, iaitu dalam tahun 1978 dan 1979 oleh sebarang perusahaan akan mendapat faedah dari cadangan ini. Saya harap sektor swasta akan mengambil peluang ini untuk menggantikan mesin-mesin yang lama dan mempermoden serta menambah keupayaan pengeluaran mereka.

Sebagai tambahan, adalah dicadangkan iaitu di mana perbelanjaan modal ke atas sebuah kereta motor dihadkan kepada \$15,000 di bawah Akta Cukai Pendapatan, nilai jualannya juga perlu diselaraskan hadnya: ini akan menghadkan elaun modal yang telah diberikan supaya tidak terkeluar daripada 'balancing charge'.

Adalah dicadangkan juga supaya satu definisi baru berkenaan "pinjaman jangka panjang" dikemukakan. Ini akan membolehkan faedah ke atas pinjaman-pinjaman dan simpanan-simpanan dari luar negeri dikecualikan dari cukai pegangan (withholding tax) walaupun pembayaran balik dibuat secara ansuran dalam tempoh pinjaman tersebut.

Adalah dicadangkan supaya keuntungan bijih timah bagi \$10,000 yang pertama dikecualikan dari cukai keuntungan bijih timah, dan kadar cukai ke atas keuntungan bijih timah diubah untuk menggalakkan lombong-lombong kecil terutamanya lombong-lombong pam gravel, untuk menambahkan pengeluaran mereka. Oleh itu adalah dicadangkan

bahawa kadar cukai ke atas keuntungan bijih timah yang dikenakan sekarang sebanyak 10% digantikan dengan kadar yang berperingkat-peringkat iaitu, atas keuntungan \$200,000 pertama dikenakan pada kadar 5% (selepas potongan-potongan yang dibenarkan di bawah undang-undang sekarang), bagi \$200,000 berikutnya pada kadar 10% dan bagi keuntungan yang melebihi \$400,000 pada kadar 15%. Memandangkan harga bijih timah yang tinggi sekarang ini, kenaikan kadar cukai ke atas keuntungan yang melebihi \$400,000 ini adalah difikir tidak akan membebankan pengeluaran-pengeluaran yang besar.

Kesempatan juga diambil untuk membuat pembetulan-pembetulan tertentu oleh kerana rayuan daripada pelombong-pelombong. Pertamanya, adalah dicadangkan supaya penerima 'tribute' dikecualikan dari cukai keuntungan bijih timah oleh kerana seseorang yang menyewakan tanah lombongnya dan menerima 'tribute' tidak mengusahakan lombongnya sendiri. Kedua, sekarang ini potongan perbelanjaan perlombongan sebenar yang dibuat semasa memindah milik satu lombong kepada pemilik yang lain tidak dibenarkan, dan ini dianggap tidak saksama dan mungkin menghalang perkembangan perusahaan itu. Oleh itu adalah dicadangkan supaya potongan ini dibenarkan.

Adalah difikirkan bahawa struktur duti eksport ke atas getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit boleh dibaiki melalui suatu penyusunan semula. Ini adalah bertujuan memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha tiga bahan utama tersebut supaya kedudukannya dalam ekonomi negara ini dapat dipelihara.

Untuk melicinkan pentadbiran dan menimbangkan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan ini, adalah dicadangkan supaya eksport bahan-bahan itu dikenakan duti eksport sahaja. Oleh itu unsur-unsur sercaj yang digunakan sekarang akan disatukan dengan duti eksport. Penyusunan

semula ke atas struktur cukai ini akan menyebabkan pengurangan cukai di paras harga rendah dan pertengahan. Sercaj yang dikenakan sekarang ini adalah dihapuskan.

Adalah dicadangkan duti eksport ke atas getah akan hanya dikenakan bila paras harga melebihi 50 sen satu paun. Penyusunan semula keseluruhan kadar duti adalah dicadangkan untuk menghapuskan kedudukan tidak seimbang serta mengurangkan kepincangan dalam struktur duti yang ada sekarang terutama sekali di paras harga yang tinggi.

Pada masa ini pengeluar-pengeluar getah di Sabah dan Sarawak tidak dikenakan bayaran sercaj ke atas getah yang diekspot. Kerajaan tidak bertujuan menambah beban cukai ke atas pengeluar-pengeluar tersebut oleh kerana penyatuan unsur-unsur sercaj dengan duti eksport yang dicadangkan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya pengecualian sebanyak 30% dari kadar duti eksport yang baru ini diberi kepada semua pengeksport-pengeksport getah di Sabah dan Sarawak. Ini adalah untuk mengekalkan faedah perbezaan cukai yang dinikmati sekarang oleh pengeluar-pengeluar getah di kedua-dua Negeri tersebut.

Pada masa ini nilai harga getah yang diwartakan untuk tujuan cukai adalah berasaskan kepada harga purata bahan tersebut bagi jangka masa dua minggu yang terdahulu sebelum nilai itu dikuatkuasakan. Cara ini telah menyebabkan nilai harga yang diwartakan melambung tinggi atau merosot dengan banyaknya sehingga memberi kesan kepada duti yang dibayar. Cara ini juga menyebabkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan kerana pengeksport-pengeksport mengambil kesempatan membayar duti yang rendah semasa harga getah sedang meningkat. Untuk mengurangkan perubahan harga yang berlaku dengan cepat, adalah dicadangkan supaya jangka-masa dua minggu yang diguna sekarang bagi mengira nilai untuk diwartakan, dipanjangkan menjadi empat minggu.

Bagi duti eksport atas minyak kelapa sawit, adalah dicadangkan supaya duti hanya dikenakan bila harga melebihi \$400 satu tan. Adalah juga dicadangkan kadar duti yang dikenakan dikurangkan bagi keseluruhan paras harga.

Pada masa ini pengiraan nilai harga yang diwartakan bagi minyak kelapa sawit untuk tujuan membayar duti eksport adalah berdasarkan nilai purata harga minyak kelapa sawit mentah dan yang diproses. Cara ini didapati tidak saksama kepada pengeksport-pengeksport minyak kelapa sawit mentah kerana mereka terpaksa membayar duti yang lebih. Untuk membetulkan kedudukan ini, adalah dicadangkan supaya dua nilai harga diwartakan iaitu satu untuk minyak kelapa sawit mentah dan satu lagi untuk minyak yang diproses.

Bagi bijih timah pula, di samping meminda Cukai Atas Keuntungan Bijih Timah, satu pindaan kepada struktur duti eksport adalah juga dicadangkan. Duti akan hanya dikenakan bila harga melebihi \$500 satu pikul. Adalah dicadangkan jumlah duti yang dikenakan dikurangkan bagi keseluruhan paras harga di bawah \$1800 satu pikul.

Kerajaan-kerajaan Negeri akan menerima hasil yang lebih besar daripada bijih timah oleh kerana penyatuan unsur-unsur sercaj dengan duti eksport yang baru dicadangkan ini. Ini ialah oleh kerana sercaj selama ini tidak diambilkira apabila menentukan pemberian cukai bijih timah kepada negeri-negeri.

Sumbangan kepada Stok Penimbal Bijih Timah telah dianggap sebagai suatu beban kewangan kepada pelombong-pelombong terutama sekali pelombong-pelombong kecil. Bagi meringankan beban ini adalah dicadangkan supaya Kerajaan mengambilalih tanggungjawab membuat sumbangan kepada Stok Penimbal Bijih Timah. Suatu sekim bagi memulangkan sumbangan pertama yang telah dibayar oleh pelombong-pelombong akan dirangka.

Adalah diharapkan segala perubahan-perubahan ini akan membantu perusahaan bijih timah terutama sekali pelombong-pelombong kecil. Walau bagaimanapun, segala masalah yang dihadapi oleh perusahaan perlombongan tidak mungkin dapat diatasi dari segi cukai sahaja. Kerajaan-kerajaan Negeri juga mempunyai peranan yang sama penting untuk menentukan perkembangan perusahaan ini pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perubahan yang penting yang terdapat dalam struktur duti eksport ke atas ketiga-tiga bahan utama yang disemak semula itu ialah penghapusan sama sekali cukai di peringkat harga yang rendah. Seperti yang telah saya nyatakan, duti eksport tidak dikenakan jika harga tidak melebihi 50 sen satu paun bagi getah, tidak melebihi \$400 satu tan bagi minyak kelapa sawit dan tidak melebihi \$500 satu pikul bagi bijih timah.

Adalah dianggarkan bahawa segala perubahan-perubahan cukai ke atas getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit akan menyebabkan kehilangan hasil sebanyak \$43.7 juta. Adalah difikirkan bahawa pengorbanan hasil sebanyak ini wajar memandangkan betapa pentingnya bahan-bahan tersebut kepada ekonomi Malaysia. Dengan perubahan-perubahan ini adalah diharapkan supaya pengusaha-pengusaha yang akan mendapat keuntungan yang lebih akan menambah penanaman modal dalam perusahaan mereka.

Seperti yang diketahui umum kebanyakan barang-barang keperluan tidak dikenakan duti impot. Tambahan pula barang-barang makanan adalah dikecualikan daripada sebahagian atau sepenuh cukai tokok. Sungguhpun demikian adalah difikirkan bahawa penyemakan terhadap duti impot patut dijalankan dari masa ke semasa. Dengan ini dicadangkan supaya duti impot ke atas teh, jam tangan dan jam dinding, barang-barang buatan kulit, kamera, berlian dan batu permata dikurangkan. Kadar pengurangan duti impot atas barang-barang ini adalah antara

20% hingga 66%. Adalah diharapkan pengurangan duti impot ini bukan sahaja akan menurunkan harga barang-barang tersebut tetapi juga menggalakkan lebih banyak aktiviti-aktiviti perniagaan di kedai-kedai.

Untuk menggalakkan jualbeli harta-tanah maka peruntukan-peruntukan yang ketat yang ada dalam undang-undang sekarang ini haruslah dipinda. Oleh yang demikian adalah dicadangkan beberapa perubahan dibuat kepada Akta Cukai Keuntungan Harta-Tanah.

Di bawah undang-undang yang ada sekarang ini, apabila sesuatu harta-tanah itu dipindahmilik sebagai hadiah, umpamanya di antara ibubapa dan anak, Jabatan Hasil Dalam Negeri mestilah diberitahu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pemindahan milik itu dibuat, supaya hadiah tersebut dapat dikecualikan dari cukai. Tempoh ini difikirkan terlalu singkat. Oleh itu adalah dicadangkan supaya had masa ini tidak dikenakan lagi.

Pada masa ini seorang pekerja yang memiliki rumah boleh dikecualikan dari cukai keuntungan harta-tanah sekiranya dia terpaksa menjual rumahnya untuk memiliki sebuah rumah persendirian yang lebih berdekatan dengan tempat pekerjaannya selepas dia bertukar kerja, atau menjawat pekerjaan baharu, atau kerana bersara. Bagi orang yang bukan pekerja, pengecualian diberi apabila ia memiliki rumah persendiriannya selepas bersara dari perniagaannya. Rayuan-rayuan telah diterima yang mengatakan syarat-syarat ini adalah terlalu ketat. Yang demikian adalah dicadangkan supaya pengecualian diberi kepada tiap-tiap pemilik rumah sekali sahaja semur hidupnya apabila dia menjual rumah itu. Bagi mereka yang mempunyai lebih dari sebuah rumah, ia dibenar memilih sebuah rumah sahaja bagi maksud pengecualian.

Tujuan asal undang-undang yang ada sekarang ialah untuk mengurangkan spekulasi di bahagian rumah-rumah yang bernilai kurang daripada \$50,000. Tetapi oleh kerana pengecualian yang diberi berasaskan nilai harga,

maka didapati undang-undang itu tidak menghasilkan tujuan yang asal. Sekarang ini sekiranya nilai harta yang dijual itu kurang dari \$50,000, keuntungan yang diperolehi adalah dikecualikan dari cukai keuntungan harta-tanah. Ini tidak mengurangkan spekulasi ke atas jual-beli rumah-rumah kos rendah yang berharga kurang dari \$50,000. Lagi pun, jika keuntungan-keuntungan besar diperolehi dari penjualan rumah-rumah tersebut, keuntungan itu tidak dikenakan cukai sama sekali. Misalnya, bagi sebuah rumah kos rendah yang dibeli dengan harga \$25,000 dan dijual dengan harga \$49,000, keuntungan sebanyak \$24,000 adalah dikecualikan dari cukai, sementara sebuah rumah yang dibeli dengan harga \$50,000 dan dijual dengan harga \$52,000, keuntungan sebanyak \$2,000 adalah dikenakan cukai.

Untuk mengurangkan spekulasi ke atas jual-beli rumah-rumah kos rendah, adalah dicadangkan sekarang supaya cukai keuntungan harta-tanah diasaskan kepada keuntungan yang diperolehi dan tidak kepada nilai harta-tanah tersebut. Cara percukaian ini adalah lebih adil kerana ianya berasaskan kepada keuntungan. Pengecualian sebanyak \$5,000 atau 10% dari keuntungan, yang mana lebih tinggi, akan diberi sebagai pampasan kepada mereka kerana wang yang terikat untuk membeli harta-tanah itu.

Sebagai langkah tambahan, untuk menambahkan kegiatan dalam pasaran harta-tanah, adalah dicadangkan bahawa kadar cukai keuntungan harta-tanah ke atas harta-tanah yang dijual dalam tempoh 5 tahun dari tarikh pemilikan diturunkan sebanyak 10 tingkat peratusan (iaitu dari 50% kepada 40%, dari 40% kepada 30%, dan seterusnya) dan sebanyak 5 tingkat peratusan bagi jualan-jualan dalam tahun keenam dan seterusnya (iaitu dari 10% kepada 5%).

Saya harap langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi akan dapat mencapai kedua-dua objektif iaitu mengurangkan spekulasi yang tidak diingini dengan mencukai ke semua keuntungan tanpa mengira nilai harta-

tanah. Tetapi melalui pengecualian sebanyak \$5,000 atau 10% dari keuntungan, yang mana lebih tinggi, serta dengan pengurangan dalam kadar-kadar cukai, ianya akan dapat menggalakkan jualbeli dalam pasaran harta-tanah.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu lagi peruntukan dalam Akta Cukai Keuntungan Harta-tanah yang mungkin tidak akan menggalak syarikat-syarikat yang bukan mastautin dari memindahkan tempat mastautin mereka ke Malaysia sejajar dengan objektif menyusun semula milik harta di bawah Dasar Ekonomi Baru. Adalah dicadangkan supaya sekatan ini dilonggarkan untuk membenarkan pemindahan harta yang berkaitan dengan sekim penyusunan semula, dikecualikan dari cukai keuntungan harta-tanah. Pengecualian akan diberi apabila harta itu dipindahkan di bawah satu rancangan penyusunan semula yang diluluskan mengikut rancangan Kerajaan bagi menyusun semula penyertaan modal dalam perusahaan.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan beberapa perubahan kepada struktur cukai yang ada sekarang ini untuk menyelaraskan dan memperbaiki peruntukan-peruntukan yang kurang baik supaya pengkajian semula struktur cukai secara berterusan ini dapat melicinkan pentadbiran cukai dan juga kutipan hasil. Selain daripada itu, setengah daripada perubahan-perubahan adalah dikemukakan dengan tujuan menambahkan hasil.

Dalam Belanjawan tahun lepas, 'rebate' cukai sebanyak \$30 telah diberikan kepada seorang isteri yang tidak bekerja atau seorang isteri yang bekerja tetapi tidak memilih untuk ditaksirkan berasingan ke atas pendapatan dari pekerjaannya. Bagaimanapun seorang isteri yang bekerja dan memilih untuk ditaksir secara berasingan ke atas pendapatan pekerjaannya tidak diberi 'rebate' cukai sebanyak \$30 itu. Untuk menyamakan kedudukan ini, adalah dicadangkan sekarang supaya 'rebate' sebanyak \$30 itu diberikan juga kepada isteri-isteri yang bekerja dan ditaksirkan secara berasingan.

Adalah dicadangkan supaya hak memilih untuk ditaksirkan secara berasingan diberikan juga kepada seorang isteri yang membuat pekerjaan ikhtisas seperti doktor dan peguam, asalkan pekerjaan ikhtisas itu tertakluk kepada undang-undang yang tertentu. Ini termasuk seorang akauntan yang bertauliah, peguambela dan peguamcara, akitek, doktor gigi, jurutera, doktor atau ahli kimia ubat dan lain-lain profesion yang berdaftar dan diluluskan oleh Menteri Kewangan dari masa ke semasa. Ia boleh memilih untuk ditaksirkan berasingan sekiranya ia berpekerjaan sendiri atau sebagai seorang kongsi. Bagaimanapun, sekiranya ia menjadi seorang pekerja dalam firma suaminya ia tidak boleh memilih untuk ditaksirkan berasingan. Ini adalah satu langkah untuk mengelakkan kehilangan hasil kerana, sekiranya tidak berbuat demikian, mungkin sisuami boleh membayar isterinya gaji yang besar dan dengan demikian mengurangkan pendapatan perniagaannya yang tertakluk kepada cukai pembangunan sedangkan pendapatan pekerjaan adalah tidak tertakluk kepada cukai pembangunan. Taksiran berasingan juga akan dibenar untuk cukai pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan objektif menggalakkan pengeluaran hasil karya, terutamanya oleh penulis-penulis, adalah dicadangkan sekarang supaya royalti dari hasil karya dan seni setakat \$3,000 setahun dikecualikan dari cukai. Pengecualian ini diberi kepada penulis-penulis, pelukis-pelukis, penyanyi, pelakon dan pelukis katun. Bagaimanapun upah atau gaji yang diterima oleh mereka yang bekerja sepenuh masa tidak akan dikecualikan dari cukai.

Mengenai hal cukai pendapatan perseorangan, adalah dicadangkan sekarang supaya satu langkah diadakan dalam mana zakat, fitrah dan lain-lain bayaran yang dikehendaki oleh Ugama Islam diberikan potongan kredit dari cukai pendapatan dan tidak lagi sebagai potongan dari jumlah pendapatan. Dengan adanya langkah ini perlulah pen-

tadbiran zakat dan fitrah diperkuatkan lagi bagi menentukan kutipan hasil yang baik.

Sekarang ini pekerja-pekerja Kerajaan yang bersara secara pilihan pada umur 50 untuk lelaki dan 45 untuk perempuan adalah dicukai ke atas ganjaran mereka. Ganjaran-ganjaran yang dibayar kepada mereka yang bersara pada umur 55 untuk lelaki dan 50 untuk perempuan telahpun dikecualikan di bawah Akta Cukai Pendapatan. Adalah dicadangkan sekarang supaya mereka yang bersara secara pilihan juga dikecualikan dari cukai atas ganjaran mereka. Ini adalah sejajar dengan pengecualian cukai yang diberi kepada pencen-pencen dalam Belanjawan yang lepas.

Sekarang ini syarikat-syarikat yang memperoleh keuntungan adalah dikenakan cukai pembangunan minima yang berasaskan kepada jumlah modal yang dibayar. Yang demikian, terdapatlah kes-kes di mana cukai minima mungkin melebihi keuntungan yang diperolehi. Oleh itu adalah dicadangkan supaya cukai pembangunan minima berdasarkan kepada jumlah modal yang dibayar ini dihapuskan sama sekali. Sebaliknya hanya cukai sebanyak 5% akan dikenakan apabila keuntungan diperolehi. Cukai minima sebanyak \$100 yang patut dibayar oleh kelab, badan amanah, persatuan, harta orang yang meninggal dan sebagainya, juga dihapuskan.

Dalam Belanjawan tahun lepas, koperasi-koperasi dikenakan cukai pendapatan. Beberapa pengurangan cukai telah diberi tetapi ini nampaknya tidak mencukupi dan menjejaskan jumlah dividen setengah-tengah koperasi. Adalah dicadangkan sekarang supaya satu lagi potongan diberi untuk membolehkan koperasi-koperasi meneruskan pembahagian dividen yang berpatutan dengan cara memberi satu potongan dari jumlah pendapatan. Potongan itu dikira sebagai satu peratusan dari jumlah kumpulan wang ahli-ahli, dan potongan itu akan ditetapkan dari masa ke semasa oleh Menteri Kewangan. Untuk tahun taksiran 1978, adalah dicadangkan supaya

jumlah sebanyak 6% dari kumpulan wang ahli-ahli diberi sebagai potongan dari jumlah pendapatan.

Di samping pengurangan duti impot atas emas dan batu permata, adalah dicadangkan juga supaya cukai jualan atas barang-barang ini dikurangkan dari 10% ke 5%. Saya berharap pengurangan ini dapat meletakkan harga tempatan barang-barang ini setanding dengan harga di negara-negara jiran.

Beberapa jenis bayaran yang dikenakan di bawah beberapa Ordinan telah tidak dikaji semula sejak beberapa tahun. Saya berasa sukacita mendapat tahu bahawa beberapa agensi Kerajaan telahpun mengambil langkah untuk meminda kadar bayaran yang dikenakan bagi perkhidmatan yang diberi oleh mereka.

Menerusi Belanjawan ini, adalah dicadangkan untuk menambah dan mengenakan bayaran di bawah Ordinan Lalu Lintas yang meliputi lesen memandu antarabangsa, bayaran permit masuk bagi kereta-kereta yang didaftarkan di Singapura dan beberapa jenis bayaran lain. Keterangan lanjut adalah seperti yang tercatat dalam Lampiran kepada Ucapan saya. Bagi permit masuk kereta-kereta yang didaftarkan di Singapura, bayaran sebanyak \$10 sebulan dikenakan selepas dikecualikan bayaran untuk tiga bulan dalam satu tahun. Permit-permit ini boleh dibaharui di mana-mana pejabat pemeriksa dan pendaftar kereta-kereta motor di seluruh negara ataupun di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Cadangan ini akan berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1978. Adalah dianggarkan bahawa sebanyak \$5 juta boleh didapati dari perubahan-perubahan ini.

Sebagai tambahan, saya ingin memaklumkan kemungkinan memberi galakan tertentu kepada perusahaan perkapalan di negara kita. Suatu kajian yang mendalam akan dijalankan untuk merangka suatu skim yang boleh menarik syarikat-syarikat perkapalan untuk ditubuhkan di Malaysia dan mendorong perkembangan syarikat-syarikat yang sedia ada.

Ini adalah sejajar dengan peluang-peluang yang ada untuk mengangkut barang-barang di negara kita dan juga mengujudkan perusahaan-perusahaan yang bersangkutan.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan adalah terkandung dalam lampiran-lampiran kepada ucapan ini, Perintah-perintah Kastam dan Rang Undang-undang bagi meminda Akta-akta Cukai berkenaan yang akan dibentangkan berasingan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran hasil bagi Belanjawan 1978 adalah dijangka menggandakan. Oleh itu, difikir tidak perlu mengemukakan cadangan cukai baru dalam Belanjawan ini. Walau bagaimanapun Kerajaan mengambil kesempatan ini untuk menyelaraskan struktur cukai dengan tujuan mendorong pertumbuhan ekonomi.

DASAR KEWANGAN

Kerajaan sedang dan akan terus melaksanakan dasar kewangan dengan tujuan untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga. Oleh itu, dasar kewangan yang longgar yang diamalkan sekarang ini, akan diteruskan supaya haluan wang pinjaman dan sebagainya akan dapat mengembangkan ekonomi negara tanpa menyebabkan tercetusnya semula tekanan inflasi.

Selaras dengan matlamat-matlamat sosio-ekonomi negara kita, dasar kewangan akan juga menentukan supaya pinjaman yang diberi oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat peminjam akan disalurkan kepada sektor-sektor ekonomi yang diutamakan, seperti kepada masyarakat Bumiputra, sektor perkilangan, perumahan untuk orang-orang perseorangan dan pengeluaran barang-barang makanan daripada sektor pertanian. Oleh itu, Kerajaan bercadang untuk meningkatkan pemberian pinjaman-pinjaman kepada sektor-sektor yang diutamakan ini. Bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat peminjam

telahpun bersetuju bahawa jumlah pinjaman yang telah ditetapkan itu akan disalurkan kepada sektor-sektor yang diutamakan ini, dan matlamat ini akan dicapai menjelang bulan Jun 1978.

Sungguhpun dasar kewangan yang longgar akan diteruskan, namun Kerajaan akan bertindak bersesuaian dengan keadaan bagi menstabilkan harga. Memandangkan kepada pertambahan bekalan wang yang kian meningkat dan berlakunya kenaikan harga baru-baru ini, maka satu dasar yang boleh diubahsuaikan bila-bila masa sangatlah perlu. Kerajaan akan menentukan supaya dasar kewangan akan sentiasa bertujuan untuk menghasilkan kestabilan harga di samping memainkan peranan yang positif sebagai langkah tambahan kepada dasar belanjawan (fiskal) yang dilaksana untuk menghadapi kehendak dan keadaan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ulangi apa yang telah saya katakan di Dewan ini dahulu, iaitu tanggungjawab menstabilkan harga tidak boleh dan tidak seharusnya dipikul oleh Kerajaan semata-mata. Di dalam ekonomi kita yang terbuka ini, di mana nilai impot merupakan lebihkurang 50% daripada Keluaran Negara Kasar, kadar inflasi di dalam negara-negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan kita tidak dapat tidak, akan mempengaruhi harga di dalam negara kita. Namun, sungguhpun Kerajaan, menerusi cadangan-cadangan hasil dan perbelanjaan Belanjawan 1978, boleh berusaha menstabilkan, walaupun tidak boleh mengurangkan, kos penghidupan, terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah, langkah-langkah ini mestilah diperkuatkan lagi dengan kerjasama pengguna-pengguna, untuk menjadikannya lebih berkesan dan berjaya.

Oleh itu, saya suka menyeru di sini supaya pengguna-pengguna akan mengambil bahagian bersama-sama dengan Kerajaan, dan seluruh rakyat, untuk menstabilkan harga dan mengurangkan kenaikan harga pada paras yang berpatutan. Persatuan-persatuan peng-

guna di beberapa negara lain telah berjaya memainkan peranan yang berkesan, lagi membina untuk mencegah kenaikan harga yang tidak adil dan amalan-amalan perniagaan yang curang. Saya berharap persatuan-persatuan pengguna, kesatuan-kesatuan sekerja, suri-suri rumahtangga dan lain-lain pertubuhan sukarela akan bertindak untuk mengawalkan kenaikan harga sebagai tambahan kepada usaha Kerajaan untuk memberi kesan yang lebih bermakna. Justeru, golongan yang berpendapatan rendahlah yang selalu tertindas dengan kenaikan harga, dan golongan inilah yang merupakan golongan yang terbesar daripada penduduk-penduduk di tanahair kita. Persatuan-persatuan pengguna, pertubuhan-pertubuhan sukarela, suri-suri rumahtangga merupakan badan-badan yang boleh memberi kepimpinan untuk menentukan supaya kenaikan harga yang tidak berpatutan dan perbuatan yang curang tidak berlaku. Berkaitan dengan ini, saya telah beberapa kali membangkitkan soal peri mustahaknya diberi pertimbangan yang lebih serius terhadap satu cara yang lebih saksama di antara harga, upah dan pendapatan. Saya berharap bahawa seruan saya untuk mendapat kerjasama dan penglibatan yang lebih padu daripada semua rakyat untuk sama-sama berusaha menstabilkan harga tidak sahaja akan disambut baik oleh semua pihak, bahkan akan menggerakkan usaha yang lebih gigih ke arah matlamat ini. Dengan nada yang sama juga, saya ingin menyeru kepada golongan peniaga untuk memberi kerjasama yang serupa dalam hal ini.

RAMALAN EKONOMI DAN BELANJAWAN 1978

Dasar-dasar belanjawan (fiskal) dan kewangan yang saya telah umumkan ini adalah disusun untuk mencapai keseluruhan matlamat sosio-ekonomi, iaitu pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat, agihan pendapatan yang lebih saksama dan kestabilan harga yang berterusan. Adalah dijangkakan bahawa langkah-langkah ini akan membolehkan pelaburan awam menjadi pendorong utama ke

arah mencapai matlamat-matlamat Belanjawan ini. Berasaskan anggaran perbelanjaan pembangunan sebenar dalam tahun 1978, pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak lebihkurang 9.3%. Anggaran ini adalah paras minima yang kita jangkakan. Sesungguhnya, pelaburan awam boleh meningkat dengan kadar yang lebih tinggi lagi.

Pelaburan swasta adalah dijangka mengekalkan paras tinggi yang dicapai dalam tahun 1977 dan adalah dianggarkan akan bertambah sebanyak lebihkurang 8% dalam tahun 1978. Pertambahan pelaburan awam dan langkah-langkah yang akan diambil di bawah dasar belanjawan (fiskal) dan kewangan adalah bertujuan menggalakkan penambahan pelaburan swasta yang akan meningkat lagi sehingga menjadi 10% setahun sepertimana yang dianggarkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

PEMBUATAN

Perusahaan pembuatan yang merupakan 16% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, terus berkembang dengan memuaskan, iaitu sebanyak 16% dalam tahun ini, dan dianggarkan terus memuaskan dalam tahun 1978. Satu perkara yang menggalakkan di dalam tahun-tahun kebelakangan ini ialah bertambahnya pengeluaran pembuatan, barang-barang keluaran pertanian, kayu-kayan dan barang-barang makanan. Sektor pembuatan ini menggunakan lebihkurang 480,000 tenaga pekerja, dan dengan itu berkeupayaan mengujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan dan meninggikan nilai barang-barang utama kita dengan cara menggunakan teknik pembuatan yang lebih progresif. Kemajuan perusahaan pembuatan barang-barang makanan akan juga menolong menstabilkan harga dan mengurangkan pergantungan ke atas impot dan dengan demikian mengurangkan kemasukan inflasi. Dengan itu, Kerajaan akan terus berusaha menggalakkan lagi perkembangan sektor pembuatan ini, menerusi langkah-langkah belanjawan (fiskal), kewa-

ngan dan lain-lain dasar untuk munafaat semua rakyat.

PEMBINAAN

Sektor pembinaan juga dijangka membuat sumbangan yang penting kepada perkembangan pelaburan swasta dalam tahun 1978. Sektor pembinaan telah menyumbangkan sebanyak 40% kepada pembentukan modal swasta dan dengan demikian boleh memberikan sumbangan yang berkesan terhadap perkembangan pelaburan swasta. Kerajaan memberi keutamaan yang tinggi terhadap perkembangan sektor pembinaan. Ini adalah nyata pada cadangan-cadangan cukai yang saya telah umumkan dan juga dasar-dasar kewangan yang telah dilaksanakan untuk menyalurkan pinjaman yang lebih besar kepada pembinaaan rumah kediaman yang merupakan 60% daripada jumlah pembinaan sektor swasta dalam tahun ini. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan untuk pembinaan telah juga ditambahkan, bukan sahaja untuk menambahkan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, sekolah dan hospital, tetapi juga untuk mempergiatkan lagi kegiatan pembinaan yang akan menggerakkan pula pelaburan swasta, gunatenaga dan pendapatan, lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. Dengan adanya galakan-galakan dan dorongan-dorongan ini, adalah dijangkakan bahawa sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih kukuh untuk menambahkan pelaburan swasta lebih-lebih lagi di dalam sektor pembinaan. Adalah diharapkan bahawa semua pihak berkuasa yang berkenaan akan memperhebatkan kerjasama mereka untuk mempercepatkan pertumbuhan perusahaan ini.

Sumbangan yang terbesar kepada pertumbuhan Keluaran Negara Kasar dari segi sebenar dalam tahun 1978, walau bagaimanapun, adalah dijangka datang daripada penggunaan swasta yang dianggar menyumbangkan sebanyak 55% kepada tambahan pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1978. Penggunaan awam juga dijangka memberikan sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi.

Disebaliknya pula, sektor luar negeri tidak dijangka menjadi pendorong utama terhadap pertumbuhan ekonomi, seperti pada masa lalu. Ini ialah kerana impot barangan dan perkhidmatan, dijangka bertambah dengan kadar yang lebih cepat, iaitu sebanyak 4.8% berbanding dengan 3.1%, untuk eksport barangan dan perkhidmatan, yang dianggarkan bernilai sebanyak \$9,590 juta dari segi sebenar dalam tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar ini, ekonomi Malaysia dalam tahun 1978, dianggar bertumbuh sebanyak 7% dari segi sebenar. Anggaran ini mungkin boleh bertambah sekiranya ada dorongan yang kuat daripada sektor swasta. Di samping itu, kita juga menjangka bahawa keadaan harga akan terus stabil dengan Angka Tunjuk Harga Pengguna dianggar bertambah sebanyak lebihkurang 5%.

Adalah jelas bahawa sektor awam akan memainkan peranan untuk mendorong perkembangan ekonomi (atau expansionary) menerusi Belanjawan yang berorientasikan pertumbuhan. Peranan aktif ini, yang sengaja dirancangan, akan dapat diselenggarakan terutamanya kerana hasil belanjawan dalam tahun 1978 dijangka akan bertambah sebanyak 11% lebih daripada jumlah sebenar yang dianggarkan untuk tahun 1977, iaitu sebanyak \$7,515 juta pada kadar sekarang. Pertumbuhan yang menggalakkan ini adalah disebabkan oleh tambahan cukai langsung yang dianggarkan sebanyak \$608 juta lebih daripada anggaran sebenar untuk tahun 1977, iaitu sebanyak \$3,069 juta. Cukai tidak langsung dianggarkan bertambah sebanyak \$140 juta lebih daripada anggaran sebenar sebanyak \$3,804 juta dalam tahun 1977. Oleh itu, sebahagian besar daripada tambahan hasil dalam tahun 1978 adalah datangnya daripada cukai di atas pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1977.

Saya perlu menegaskan bahawa pertambahan cukai pendapatan yang besar ini boleh berlaku dengan adanya sumbangan hasil daripada petrolium. Cukai pendapatan

dan bayaran tunai daripada petrolium, telah berjumlah sebanyak \$400 juta dalam tahun 1976, \$700 juta dalam tahun 1977 dan untuk tahun 1978, hasil daripada punca ini dianggarkan bertambah menjadi \$820 juta. Sungguhnya, hasil belanjawan telah banyak ditokokkan oleh hasil daripada petrolium dan ini telah membantu menjadikan kedudukan kewangan Kerajaan lebih kukuh lagi. Ini telah menambahkan sumber pembiayaan yang tidak memberi tekanan inflasi dan membolehkan Kerajaan meluaskan lagi pembangunan dan menambahkan perbelanjaan pelaburan, tanpa menambahkan kadar kenaikan harga.

Perusahaan petrolium sekarang sudah menjadi salah satu punca utama pendapatan Kerajaan. Masa depan petrolium, kemungkinan perkembangan perusahaannya dan sumbangan yang dapat diberikannya terhadap pencapaian matlamat sosio-ekonomi kita, adalah amat menggalakkan. Namun begitu, izinkanlah saya memberi ingatan di sini bahawa petrolium, seperti juga dengan bijih timah, adalah sumber yang kian merosot. Kita mestilah mengawasi perkembangan pengeluaran petrolium dan menggunakan hasil dan penerimaan tukaran wang luarnya dengan bijaksana. Kita mestilah sedar bahawa sumber petrolium tidak kekal lama, dan dengan itu mestilah menggunakan kesempatan yang terluang, ini sepenuhnya untuk memesatkan pencapaian matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita. Justeru, kita mestilah mempergiatkan lagi keupayaan pembangunan kita dan menggunakan sumber petrolium, dari sekarang, untuk mempelbagai dan memodenkan ekonomi serta menambahkan perusahaan kita demi kepentingan jangka panjang ekonomi dan kewangan negara dan kebajikan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1978 dianggar bertambah sebanyak 12.5% lebih daripada anggaran sebenar untuk tahun 1977, sebanyak \$7,160 juta.

bahawa usul di atas nama saya berkenaan

tangguhkan selama tidak kurang daripada

No. BTN	Perkara	Kadar Sekarang	Kadar Yang dicadangkan
111	asal dari Malaysia	40 sen sepaun	25 sen sepaun
112	asal dari luar negeri dan diproses dalam negeri	40 sen sepaun	25 sen sepaun
113	asal dari luar negeri dan dicampur dengan bahan dalam negeri	40 sen sepaun	25 sen sepaun
114	lain-lain	40 sen sepaun	25 sen sepaun
200	hijau, daun	40 sen sepaun	25 sen sepaun
210	hijau, serbuk	40 sen sepaun	25 sen sepaun
42.02	Barang-barang untuk perjalanan, seperti trunks, suitcases, dressing cases, travelling bag, toilet cases, knapsacks, ruck sacks, kitbags and haversack. di buat dari kulit, campuran kulit atau kain.		
110	box and trunk	35%	25%
140	lain-lain dibuat dari vulcanised fibre, artificial plastic sheeting of paperboard:	35%	25%
150	box dan trunk	35%	25%
190	lain-lain	35%	25%
	Kotak rokok, kotak cerut, kotak paip, pouch tembakau dan 'accessory' berkenaan:		
210	dibuat dari kulit, campuran kulit atau kain	35%	25%
220	dibuat dari vulcanised fibre, artificial plastic sheeting atau paperboard	35%	25%
	Bag tangan, pochette; purse, wallet, briefcase, portfolio, scholars' satchels:		
310	dibuat dari kulit, campuran kulit atau kain	35%	25%
320	dibuat dari vulcanised fibre, artificial plastic sheeting atau paperboard	35%	25%
	Bag golf, beg permainan dan untuk memancing dan lain-lain beg sukan:		
410	dibuat dari kulit, campuran kulit atau kain	35%	25%
420	dibuat dari vulcanised fibre, artificial plastic sheeting atau paperboard	35%	25%
	Beg untuk membeli-belah, bekas alat, beg dan roll, bekas muzik, bekas kamera, bekas barang-barang kemas, bekas alat tulis, bekas alat senjata, holster dan bekas-bekas yang sama:		
510	dibuat dari kulit campuran kulit atau kain	35%	25%
520	dibuat dari vulcanised fibre, artificial plastic sheeting atau paperboard	35%	25%
42.03	000 Kain-kain dan barang-barang pakaian, dari kulit atau campuran kulit	35%	25%
42.04	000 Barang-barang kulit atau kulit campuran yang digunakan dalam mesin atau alat-alat mekanik atau untuk kegunaan industry	35%	25%
42.05	Barang-barang lain dari kulit atau kulit campuran:		
100	dari kulit	35%	25%
500	dari kulit campuran	35%	25%
42.06	Barang-barang dibuat dari 'gut' (selain dari silk-worm gut), dari goldbeater's skin, dari bladder atau dari tendon:		
100	pouche tembakau	35%	25%
64.02	Kasut, mempunyai tapak luar dari kulit atau campuran kulit. Tapak luar dari kulit atau campuran kulit dan:		
190	lapisan atas dari mana-mana bahan lain	40% atau \$5 sepasang, yang mana lebih tinggi.	30% atau \$5 sepasang, yang mana lebih tinggi

No. BTN	Perkara	Kadar Sekarang	Kadar Yang dicadangkan
210	tapak luar dari getah dan lapisan atas dari kulit atau campuran kulit	40% atau \$5 sepasang yang mana lebih tinggi.	30% atau \$5 sepasang yang mana lebih tinggi.
71.12	000 Barang-barang kemas, barang-barang logam berharga atau barang-barang logam bergulung	15%	5%
17.13	Barang-barang emas, logam berharga dan lain-lain barang di bawah No. Kepala 71.12	15%	5%
71.14	Lain-lain barang berlogam	15%	5%
71.15	Barang-barang mutiara	15%	5%
71.16	Barang-barang kemas tiruan	15%	5%
90.07	Kamera potografi; alat-alat potografi flashlight: Kamera:		
190	lain-lain	25%	20%
200	alat-alat flashlight potografi	25%	20%
900	bahagian-bahagian dan barang tambahan	25%	20%
90.08	Kamera wayang gambar, projector, perakam suara dan pengeluar suara, mana-mana kombinasi barang-barang tersebut		
100	kamera	25%	20%
200	perakam suara	25%	20%
300	alat-alat perakam suara/kamera bergabung	25%	20%
400	projector	25%	20%
500	pengeluar suara	25%	20%
600	alat-alat perakam suara/kamera bergabung	25%	20%
90.09	Projector gambar (lain dari projektor wayang gambar); pembesar dan pengecil fotografi (kecuali wayang-gambar):		
100	projector gambar	25%	20%
	pembesar dan pengecil		
210	untuk kegunaan dalam industri percetakan	25%	20%
290	lain-lain	25%	20%
	Bahagian-bahagian:		
	untuk pembesar dan pengecil:		
920	lain-lain	25%	20%
990	lain-lain	25%	20%
90.10	Alat-alat yang digunakan dalam makmal fotografi atau wayang gambar, yang tidak termasuk di bawah lain kepala di Bab ini; alat fotokopi (samada termasuk optical system atau contact type) dan alat-alat thermo-copying:		
	layar projektor:		
100	alat fotokopi (contact type)	20%	15%
200	spool and reel untuk film	20%	15%
300	layar projektor	20%	15%
900	lain-lain	20%	15%
91.01	Jam tangan dan jam saku		
100	jam tangan	15%	10%
900	lain-lain	15%	10%
91.02	000 Jam dinding	15%	10%
91.04	Lain-lain jam besar		
100	'spring timber'	30%	20%
200	jam elektrik	30%	20%
900	lain-lain	30%	20%

Lampiran 'C'

PERUBAHAN BAYARAN-BAYARAN DI BAWAH ORDINAN LALU LINTAS 1958

	Kadar Sekarang	Kadar Baru
(i) Permit Memandu Antarabangsa	\$10/- tahun	\$30/- tahun
(ii) Permit Masuk ke atas kereta-kereta Singapura	—	\$10/- bulan
(iii) Bayaran untuk mengeluarkan satu salinan sijil lulus ujian memandu	\$2/-	\$5/-
(iv) Bayaran untuk mengeluarkan satu pernyataan gagal ujian memandu	\$2/-	\$5/-
(v) Bayaran-bayaran pemeriksaan ke atas lori-lori:		
(a) pemeriksaan awal	—	\$10/-
(b) pemeriksaan biasa	—	\$5/-
(c) pemeriksaan semula	—	\$5/-
(d) pemeriksaan khas	—	\$5/-
(vi) Cukai jalan ke atas 'land tractors, mobile machinery' dan lain-lain:		
setahun	\$50/-	\$100/-
6 bulan	\$25/-	\$60/-
sebulan	\$5/-	\$15/-
(vii) Bayaran-bayaran untuk membekalkan:		
(a) Satu cabutan ke atas salinan 'entry' dalam daftar bagi satu lesen yang pinda	\$5/-	\$10/-
(b) Satu salinan lesen atau satu salinan buku pendaftaran	\$5/-	\$10/-
(viii) Bayaran meluluskan penukaran satu nombor pendaftaran kenderaan kepada kenderaan yang lain	\$50/-	\$60/-